

KPWKM anjur dialog TN50 babit kumpulan sasaran

➔ Program babit 1,000 penyertaan kumpul input jayakan inisiatif pembangunan negara pada 2050

Oleh Nadia Hamid
nnadia@bh.com.my

Putrajaya

Seramai 1,000 peserta daripada lapan kumpulan sasaran dan kakitangan Kementerian itu menyertai dialog Transformasi Nasional (TN50) anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada Khamis lalu.

Dialog santai di Pusat Latihan Perindustrian Dan Pemulihan Bangi (PIPP) itu, adalah satu daripada 14 dialog berperingkat anjuran Kementerian berkenaan dalam usaha mengumpul input untuk menjayakan inisiatif pembangunan negara pada tahun 2050.

Dialog bagi menzahirkan matlamat dan sasaran jelas selama 30 tahun dengan tema 'Masyarakat Inklusif Aspirasi Kami', adalah sebahagian rangka kerja Kementerian menjalankan proses perundingan fasa persediaan selama dua tahun, sebelum idea dibentangkan dalam dokumen dasar TN50, pada awal 2020.

Aspirasi yang dikumpulkan sepanjang sesi TN50 akan diserahkan kepada Unit Khas TN50, Civil Service Delivery Unit (CSDU) PEMANDU, Unit Perancang Ekonomi (EPU) serta Jabatan Perdana Menteri (JPM) dari semasa ke semasa.

Dengan TN50 sebagai pemangkin pencetus idea serta nilai tambah ke

pada Kementerian, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Karim, berkata pihaknya cuba mendengar keseluruhan aspirasi bernas dan memberangsangkan daripada kumpulan sasaran.

Lapan kumpulan sasaran itu adalah wanita, keluarga, pertumbuhan sukarela kehajikan, orang kurang upaya (OKU), warga emas, orang papa atau gelandangan, mangsa bencana alam dan kanak-kanak.

"Saya menjangkakan idea bernas bakal terbit daripada 30 perwakilan kanak-kanak sebagai golongan pemimpin negara pada 2050.

"Mungkin ramai beranggapan kanak-kanak masih mentah tetapi pada saya, golongan ini lebih tahu keperluan dan impian bagaimana Malaysia pada masa mereka untuk jangka masa panjang," katanya.

Pandangan warga emas diambil kira

Beliau berkata, pandangan warga emas juga tidak boleh dipandang sepi kerana pengalaman dan pemikiran berpandangan jauh mereka boleh menjadikan kelestarian masa depan atau boleh dijadikan panduan Kementerian melaksanakannya pada bila-bila masa bersesuaian.

"Kita juga akan bawakan kelompok gelandangan dan pertumbuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan untuk mendengar aspirasi mereka, bagaimana kerajaan boleh membantu dan



Sebahagian peserta yang mengambil bahagian dalam dialog Transformasi Nasional anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

menyelesaikan isu membabitkan mereka. Saya pasti akan berlaku sesi mencurahkan idea yang sangat baik dan mengujakan," katanya.

"Ditanya harapan Kementerian pada sidang dialog itu, Rohani berkata berharap idea yang akan diketengahkan adalah betul dan melambangkan Malaysia pada masa akan datang.

Manfaat peluang suarakan idea

"Saya berharap semua kumpulan sasaran Kementerian yang menyertai TN50 menggunakan peluang ini menyuarakan harapan, idea agar aspirasi mereka. Tidak ada idea yang salah, atau tidak betul kerana ia adalah impian kita.

"Sekali lagi, saya berharap dialog ini tidak disalahgunakan sebagai medan menyuarakan masalah atau ketidakpuasan hati dalam isu pentadbiran dan keluh kesah mereka kepada Kementerian. Gunakan peluang dua jam ini untuk fikirkan idea yang boleh membawa kita semua maju ke depan," katanya.

Mengulas lanjut, Rohani berkata, KPWKM dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) juga sudah menganjurkan Program Mind Discovery TN50 membabitkan 68 wanita muda di bawah umur 40 tahun untuk mencetuskan aspirasi bertemakan Pemerkasaan Wanita Muda.

Wanita muda dari pelbagai latar belakang seperti usahawan, penun-

Info

Dialog Transformasi Nasional

➔ Orang ramai boleh menyumbangkan idea TN50 menerusi laman sesawang Kementerian, www.kpwkm.gov.my atau Facebook, www.facebook.com/kpwkm.

tut universiti awam, didikan swasta, prof NGO, kakitangan awam itu dikumpulkan dalam Dewan Podium KBS, lalu.

Sementara itu, Rohani menjelaskan Kementerian akan kumpulan TN50 sebagai mengendalikannya dalam format TN50 Ciri bincangan berkumpukan moderator.

Katanya, kaedah laluan Kementerian jayakan aspirasi TN townhall dan bual bic

Manfaat tiga siri

"Kementerian merancang TN50 dengan pegawai. Siri 1 bersama Kementerian, agensi dan profesional Gred-44 sudah dilaksanakan lalu, di Dewan Perdana yang bertemakan 'Wawasan Dalam Penyempulanan'. Antara maklum berutarak adalah cadangan waktu beberapa bakal dilaksanakan katanya.

Siri 2 akan menggawai Kementerian, rusan dan profesional Gred 54 manakala, Siri 60 pegawai Kementerian kumpulan pelaksana